

# Buletin MDT

Majlis Daerah Tapah



EDISI 1 / 2025

JALAN STESYEN, 35000 TAPAH, PERAK DARUL RIDZUAN



## SELAMAT BERSARA YANG DIPERTUA MDT



PENSIJILAN PEMATUHAN SAGA



HARI BERTEMU PELANGGAN



ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG

## MAJLIS IFTAR & SOLAT TERAWIH PERDANA

WARGA KERJA MDT BERSAMA PELAJAR-PELAJAR TAHFIZ 2025



# ISI KANDUNGAN

# SIDANG EDITOR

## PERKARA

## MUKA SURAT

UCAPAN YANG DIPERTUA	3
PROGRAM KAYUHAN SANTAI SEMPENA HARI BERBASIKAL SEDUNIA	4
PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SME BANK BERSAMA MDT	5
PROGRAM KONVOI JALUR GEMILANG KEMBARA MERDEKA	6
PROGRAM JELAJAH HPV NEGERI PERAK	6
MAJLIS PERASMIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERAK KAMPUS TAPAH	7
MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS SESI 2024-2025	7
KARNIVAL SUKAN KAMDT 2024	8
KARNIVAL TASEK TEMOH 2.0	9
PROGRAM SIFAR SAMPAH DAN KEMPEN ANTI SAMPAH HARAM PERINGKAT MAJLIS DAERAH TAPAH	10
LAWATAN LALUAN BARU BAS PERAK SEJAHTERA CHENDERANG TAPAH CHENDERANG	11
PROGRAM GOTONG ROYONG MEMBASMI WABAK DENGGI 2024	11
PROGRAM GOTONG ROYONG MEGA DAN AGENDA NASIONAL MALAYSIA SIHAT	12
KEMPEN KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN, HARI TANPA BEG PLASTIK, KEMPEN E-WASTE DAN KITAR SEMULA	13
PROGRAM KEBUN KOMUNITI @TAMAN SRI ASOKA	14

## PENASIHAT

Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir,  
C.A. (M)  
Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah

## PENGERUSI

TPr. Haji Zuhairi Bin Hashim,  
A.M.P, P.P.T  
Setiausaha Majlis Daerah Tapah

## KETUA EDITOR

Pn. Norsahani Azura Binti Jaafar

## SIDANG EDITOR

1. Pn. Zahawiah Binti Abd. Kadir
2. En. Sharizal Bin Abdul Rahman
3. En. Muhamad Fauzi Bin Abd. Jalal
4. En. Abdullah Nasih Ulwan Bin Hussain
5. Pn. Fauzatulaswar Binti Mohd Basri
6. En. Hamidi Bin Rusli
7. Pn. Suzilawati Binti Fauzi
8. En. Muhamad Hilman Bin Mohd Nasir
9. Pn. Munazirah Binti Mohamad
10. En. Mohd Hafizunnaim Bin Hasnan
11. En. Mohd Fareez Aiman Bin Abdul Wahab
12. En. Muhammad Ariffuddin Bin Rosli

## JURUGAMBAR & PEREKA GRAFIK

En. Mohd Rabiul Khairi Bin Abdul Rashid

## PENERBIT

Unit Korporat, Perhubungan Awam &  
Pelancongan Majlis Daerah Tapah

Telefon : 05-4011326/2329

Faks : 05-4012288

H/P : 010-6530326

Website : [www.mdtapah.gov.my](http://www.mdtapah.gov.my)

Facebook : Majlis Daerah Tapah

Instagram : majlisdaerahtapah



# UCAPAN YANG DIPERTUA

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera buat warga pembaca Buletin Majlis Daerah Tapah bagi Edisi Pertama (Januari–Jun 2025) yang sentiasa menantikan keluaran naskhah ini. Dengan penuh rasa syukur, Buletin Majlis Daerah Tapah bagi edisi kali ini membuka tirai tahun 2025 dengan pelbagai pengisian yang bermanfaat.


Menjadi keutamaan kami untuk memastikan buletin ini terus padat dan jitu dengan pelbagai maklumat, informasi serta pelaporan berkenaan perancangan, program dan aktiviti yang telah serta akan dilaksanakan demi kelestarian pembangunan bandar Tapah. Terima kasih diucapkan kepada Sidang Editor yang sentiasa komited memastikan buletin ini dapat diterbitkan secara berterusan.

Buletin ini bukan sahaja berperanan sebagai medium penyampaian maklumat, malah berfungsi sebagai wadah promosi dan arkib rekod aktiviti Majlis Daerah Tapah dari semasa ke semasa.


Memandangkan tahun 2025 ini merupakan tahun terakhir saya berkhidmat sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah sebelum bersara, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja MDT atas kerjasama, dedikasi dan sokongan padu yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan saya. Segala usaha dan komitmen yang ditunjukkan menjadi kekuatan utama dalam memastikan kelestarian pentadbiran dan kejayaan Majlis ini.

Akhir kata, saya berharap seluruh warga kerja MDT akan terus meningkatkan prestasi dengan lebih cemerlang demi memastikan perkhidmatan yang diberikan sentiasa terbaik, selain memperkukuh pembangunan dan kemajuan untuk kesejahteraan rakyat.

Selamat membaca, Salam Malaysia Madani dan Perak Sejahtera 2030.



Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir, C.A.(M)  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Tapah



# KEJOHANAN SEPAK TAKRAW TERTUTUP PIALA YDP MAJLIS DAERAH TAPAH 2025

20 – 22 Januari 2025 – Majlis Daerah Tapaah telah menganjurkan Kejohanan Sepak Takraw Tertutup Piala YDP 2025 yang berlangsung di Arena Merdeka Tapaah. Pertandingan yang diadakan dari jam 4.00 petang hingga 7.00 petang ini hanya melibatkan penyertaan staf lelaki MDT sebagai usaha menggalakkan gaya hidup sihat, di samping mengeratkan lagi hubungan ukhawah dalam kalangan warga kerja. Pertandingan berlangsung penuh semangat kesukanan dengan penyertaan beberapa pasukan yang dibarisi oleh staf daripada pelbagai bahagian. Tahniyah diucapkan kepada semua pemenang, dan penghargaan diberikan kepada semua staf lelaki MDT yang telah mengambil bahagian menjayakan kejohanan ini. Semoga semangat kesukanan yang ditunjukkan dapat terus menyemarakkan budaya sihat dan mengeratkan ukhawah sesama warga kerja.

#SukanUntukKesihatan  
#SukanUntukUkhwah



## LAWATAN PENSIJILAN PEMATUHAN SAGA

27 Januari 2025 – Majlis Daerah Tapah (MDT) telah menerima lawatan penilaian daripada Jawatankuasa Pematuhan SAGA bagi Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan. Sesi penilaian yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Utama MDT pada jam 9.20 pagi ini bertujuan meneliti dan menyemak dokumen serta rekod kewangan bagi menentukan tahap pematuhan MDT terhadap garis panduan yang telah ditetapkan.

Lawatan ini merupakan sebahagian daripada proses ke arah Pensijilan Pematuhan SAGA Tahun 2025. Selain semakan dokumen, pihak jawatankuasa turut berpeluang meninjau pelaksanaan sistem di MDT serta mengadakan sesi perbincangan bersama pengurusan kanan dan pegawai yang terlibat.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua MDT bersama barisan pegawai kanan, diakhiri dengan sesi pertukaran cenderamata sebagai tanda penghargaan atas komitmen dan kerjasama erat antara MDT dan pihak Jawatankuasa Pematuhan SAGA. Usaha ini menjadi langkah penting dalam memperkukuh tadbir urus kewangan MDT demi penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan, seiring aspirasi Salam Malaysia Madani dan Perak Sejahtera 2030



## ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2024

**4 Februari 2025** - Telah berlangsung Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2024 bertempat di Dewan Merdeka, Tapah pada jam 9:30 pagi ini. Majlis ini dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah, Tuan Haji Ahamd Roslan Bin Mohamed Nazir, turut hadir Setiausaha Majlis Daerah Tapah Tpr Tuan Haji Zuhairi bin Haji Hashim, Ahli-Ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan dan Unit serta Anggota Majlis Daerah Tapah. Untuk tahun 2024 seramai 13 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 3 orang penerima Anugerah Khas Yang Dipertua, satu kumpulan penerima Anugerah Khas Sukan Tahun 2024 dan seorang penerima Anugerah Khas Ahli Majlis Contoh Tahun 2024. Tahniyah diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2024. Semoga anugerah ini menjadi sumber inspirasi dan dorongan kepada semua anggota MDT untuk terus memberikan sumbangan yang terbaik bagi kemajuan Daerah Tapah.



## PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK

**25 MAC 2025** - Telah berlangsung Program Memasak Bubur Lambuk 2025 anjuran Kelab Anggota Majlis Daerah Tapah bertempat diperkarangan tempat meletak kereta Majlis daerah Tapah. Acara tahunan sempena bulan Ramadan kali ini bermula seawal 8.00 pagi diketui oleh Puan Norliza Binti Keling Penolong Akauntan (W6) (TBK1) dan Encik Mohd Shahidan B. Isha Pembantu Khidmat Am (H1), sebanyak 4 buah periuk bubur telah dimasak kali ni yang mana terdapat dua perisa, ayam dan daging untuk diagih-agihkan kepada staf MDT, pengunjung Bazar Ramadan Tapah dan tetamu yang hadir untuk Majlis Berbuka Puasa dan Terawih Perdana yang berlangsung pada sebelah malam di Arena Merdeka , Tapah. Turut diadakan cabutan bertuah bagi memeriahkan suasana Program Memasak Bubur lambuk 2025, Setiausaha Majlis Tpr. Haji Zuhairi Bin Hashim turut hadir bagi menyampaikan Bubur Lambuk yang telah siap dimasak kepada setiap jabatan yang terdapat di Majlis Daerah Tapah, turut diadakan sesi penyampaian suguhati kepada peserta tadarus Al-Quran yang telah berlangsung pada 24 Mac 2025.



## PROGRAM IFTAR DAN TERAWIH PERDANA

**25 Mac 2025** - Telah berlangsung Majlis Iftar dan Solat Tarawih Perdana Warga Kerja MDT bersama Pelajar-Pelajar Tahfiz 2025 .Majlis ini telah dihadiri oleh 112 pelajar-pelajar tahfiz dari Maahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat ADDIN Air Kuning dan Maahad Tahfiz Al-Quran Al-Ahmad Perak, Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah, Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir, Setiausaha Majlis Daerah Tapah , TPr. Haji Zuhairi Bin Hashim, Ahli-Ahli Majlis, warga kerja MDT dan keluarga. Antara pengisian Majlis ini adalah berbuka puasa, solat Maghrib berjemaah, takzkiroh oleh Ustaz Muhamad Amirul Zikri bin Abdul Aziz dari Maahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat ADDIN Air Kuning , solat Isyak dan Tarawih berjemaah , selesai solat semua tetamu disajikan Moreh. Sebelum selesai Majlis pelajar-pelajar Tahfiz yang hadir menerima sumbangan duit raya dan bergambar sebagai tanda kenang-kenangan, Majlis Daerah Tapah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan program kali ini.



## PROGRAM MESRA HARI BERTEMU PELANGGAN

**27 MAC 2024** – Daerah Batang Padang menjadi lokasi kedua bagi Program MESRA Hari Bertemu Pelanggan (HBP) Kerajaan Negeri Perak Siri 2 Tahun 2025, yang diadakan di Dewan Merdeka, Tapah. Penganjuran HBP kali ini melibatkan 71 kaunter khidmat pelanggan serta dua kaunter bergerak, yang menyediakan akses lebih mudah dan selesa untuk rakyat mendapatkan perkhidmatan serta maklumat secara terus daripada jabatan dan agensi kerajaan berkaitan. Program ini dirasmikan oleh Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad turut Hadir bersama, YB Dato' Mohd Zolkafly bin Harun, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan, YBr. Encik Aminuddin bin Zulkpli, Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), YBr. Encik Ahmad Redhaudin bin Ahmad Shokori, Pegawai Daerah Batang Padang, Tuan Haji Ahmad Roslan bin Mohamed Nazir, yang Dipertua Majlis Daerah Tapah serta YBr. Puan Azleena binti Zainal Abidin, Pengarah FAMA Perak turut diadakan Jualan Rahmah dan Jualan Perak Sejahtera oleh FAMA



# MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI

14 April 2025 (Isnin) – Majlis Daerah Taph telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2025 bertempat di Dewan Muhibbah, Bidor pada jam 2.30 petang. Majlis yang diadakan setiap tahun ini bertujuan meraikan para jemputan serta mengeratkan hubungan silaturahim antara kepimpinan, warga kerja Majlis Daerah Taph, agensi kerajaan, pemimpin masyarakat dan komuniti setempat.

Sambutan kali ini lebih meriah dengan pelbagai pengisian menarik seperti cabutan bertuah, penyediaan booth makanan oleh setiap jabatan, serta pertandingan yang menawarkan hadiah bagi kategori pakaian terbaik lelaki dan wanita serta booth terbaik. Majlis turut diserikan dengan pelbagai juadah tradisional hari raya, persembahan serta suasana Aidilfitri yang penuh kemesraan dan kegembiraan. Majlis Daerah Taph merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang hadir dan terlibat dalam menjayakan sambutan ini serta berharap ikatan ukhuwah yang terjalin dapat terus diperkukuhkan demi kesejahteraan bersama.



# PERTANDINGAN SEPAKAN PENALTI 4X4

**5 Mei 2025** – Pertandingan Sepakan Penalti 4 x 4 Staf Majlis Daerah Tapah (MDT) 2025 telah berlangsung dengan meriah di Stadium Tun Ahmad Sarji, Tapah bermula jam 4.00 petang hingga 7.00 petang. Sebanyak empat pasukan telah berentap dalam suasana penuh semangat kesukanan. Pasukan AC Milan (Safwan, Emmie, Sazaim & Shahrul) berjaya muncul Johan, manakala tempat Naib Johan dimenangi oleh pasukan Chelsea (Haniff, Zulhaidi, Rafiq & Khairi). Pasukan Barcelona (Fareez, Asraf, Ikmal & Saifullah) pula meraih tempat Ketiga, diikuti pasukan Bayern Munich (Firdaus, Aswad, Syafig & Awang) di tempat Keempat. Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Puan Fauzatulaswar binti Mohd Basri, Pegawai Perancang Bandar & Desa. Pertandingan ini dianjurkan oleh Kelab Anggota Majlis Daerah Tapah sebagai salah satu inisiatif menggalakkan gaya hidup sihat dan memupuk ukhuwah sesama warga kerja MDT. Tahniat diucapkan kepada semua pemenang serta penghargaan kepada semua staf lelaki yang telah menyertai pertandingan ini.

#sukanuntukkesihatan  
#sukanuntukukhuwah



# MAJLIS SANJUNGAN JASA "SESAAT BERSAMA, SEABAD TERASA"

**19 MEI 2025** - Telah berlangsung Majlis meraikan Persaraan Yang Dipertua Majlis Daerah Tapah, Tuan Haji Ahmad Roslan Bin Mohamed Nazir, bertempat di Casuarina@Meru, Ipoh. Turut hadir ke Majlis Persaraan Yang Dipertua, TPr. Haji Zuhairi Bin Haji Hashim, Setiausaha Majlis Daerah Tapah, YB DR. Mohamad Yusri bin Bakir ADUN Ayer kuning, Ahli-ahli Majlis dan Warga Kerja Majlis Daerah Tapah. Dengan penuh rasa hormat dan penghargaan, Majlis Daerah Tapah merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Yang Dipertua atas kepimpinan, dedikasi, dan jasa bakti yang tidak ternilai sepanjang tempoh perkhidmatan bermula 1 Julai 2022 sehingga 17 Mei 2025. Segala sumbangan dan tunjuk ajar Yang Dipertua akan sentiasa dikenang dan menjadi panduan buat semua Warga kerja Majlis Daerah Tapah. Selamat bersara dan semoga terus dikurniakan kesihatan yang baik, ketenangan, serta kebahagiaan dalam fasa baharu kehidupan.

"Jasamu dikenang, baktimu disanjung."



## PROGRAM IBADAH KORBAN KELAB ANGGOTA MAJLIS DAERAH TAPAH

**10 JUN 2025** – Kelab Anggota Majlis Daerah Tapah telah menganjurkan Majlis Ibadah Korban bertempat di Stadium Tun Ahmad Sarji, Tapah. Program ini merupakan salah satu acara tahunan sempenasambutan Hari Raya Aidiladha 1446H/2025M.

Program turut diserikan dengan kehadiran TPr. Haji Zuhairi Bin Haji Hashim, Setiausaha Majlis Daerah Tapah, Ahli-Ahli Majlis, ketua-ketua jabatan dan unit, serta warga kerja MDT. Majlis ini juga menjadi program terakhir beliau bersama warga MDT sebelum bersara pada bulan Ogos nanti.

Pihak Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat menjayakan program ini, khususnya kepada staf yang telah bertungkus-lumus menyediakan masakan untuk peserta-peserta yang hadir. Semoga program-program seperti ini dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang bagi mengeratkan lagi tali silaturahim sesama warga kerja MDT.



## TERIMA KASIH DAN SELAMAT MAJU JAYA PUAN FAUZATULASWAR BINTI MOHD BASRI

**13 JUN 2025** - Majlis Daerah Tapah ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Fauzatulaswar Binti Mohd Basri, Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J9, yang juga merupakan Ketua Unit Pusat Setempat (OSC), atas segala khidmat bakti dan sumbangan cemerlang beliau sepanjang bertugas di sini.

Kami amat menghargai segala idea, usaha dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau. Semangat kerja berpasukan serta sifat mesra dan mudah didekati telah menjadikan beliau seorang rakan sekerja yang sangat disenangi dan dihormati.

Akhir kata, Majlis Daerah Tapah mengucapkan selamat maju jaya di tempat baharu dan semoga dipermudahkan segala urusan, diiringi doa agar terus cemerlang dalam setiap langkah dan tanggungjawab yang mendatang.





## LAWATAN AUDITT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA MAJLIS DAERAH TAPAH

17 Jun 2025 - Majlis Daerah Tapah (MDT) telah menerima lawatan audit daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Perak. Lawatan ini dijalankan bagi menilai pematuhan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di premis MDT. Lawatan diketuai oleh Puan Nor Hafiza Binti Hamidon, bersama pegawai-pegawai JKKP iaitu Tc. Muhammad Zulhayat Dzulkifli dan Puan Maslah Harbi. Antara kawasan yang diberi perhatian semasa lawatan termasuklah ruang stor, tempat penyimpanan bahan kimia serta pemantauan pematuhan penggunaan simbol-simbol amaran bahaya yang ditetapkan. Taklimat berkaitan simbol-simbol bahan berbahaya dan langkah-langkah keselamatan turut disampaikan semasa lawatan. Lawatan diakhiri dengan sesi bergambar dan penyampaian cenderamata sebagai simbolik penghargaan atas kerjasama yang terjalin. Majlis Daerah Tapah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak JKKP Perak atas lawatan ini serta komitmen mereka dalam membantu mempertingkatkan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.





# RESTORAN KARI KEPALA IKAN NOORDIN BIDOR



PT 3854 / 3855, Jalan Besar Bidor,  
Berhadapan Klinik Kesihatan (KKM),  
35500 Bidor, Perak Darul Ridzuan



016-502 1899



karikepalaiannoordinbidor@gmail.com

Terletak di Jalan Besar Bidor, hidangan istimewa yang disajikan oleh Restoran Kandar Noordin ini sangat terkenal dalam kalangan penduduk tempatan dan juga pelawat yang melalui pekan kecil ini. Ini kerana kuah kari yang digunakan dikatakan berasal daripada campuran rempah tradisional yang menjadi rahsia para pengusahanya.

Kepala ikan yang disajikan juga terdiri daripada pelbagai jenis ikan seperti jenahak, kerisi, kerapu dan merah. Bagi memastikan bekalan ikan sentiasa segar, pengusaha mendapatkan ikan secara terus daripada nelayan tempatan di Pantai Remis dan Sungai Besar, Selangor, atau daripada nelayan di Hutan Melintang dan Teluk Intan, Perak.

## Waktu Perkhidmatan

Khamis : 11:00 PG–3:00 PTG  
Jumaat : 11:00 PG–3:00 PTG  
Sabtu : 11:00 PG–2:00 PTG  
Ahad : Tutup  
Isnin : 11:00 PG–3:00 PTG  
Selasa : 11:00 PG–3:00 PTG  
Rabu : 11:00 PG–3:00 PTG



# SUDAHKAH ANDA MEMBAYAR CUKAI TAKSIRAN ?

SEMAKAN BOLEH DIBUAT DI KAUNTER

**JABATAN PENILAIAN &  
PENGURUSAN HARTA**

**BAYARAN DIBUAT DI KAUNTER HASIL  
MAJLIS DAERAH TAPAH**

**WAKTU OPERASI  
KAUNTER HASIL MAJLIS DAERAH TAPAH**

**8.00 PAGI - 1.00 PETANG  
2.00 PETANG - 4.30 PETANG  
SABTU PERTAMA BULAN JANUARI & FEBRUARI  
8.30 PAGI - 12.00 TENGAH HARI**

**KAUNTER HASIL BIDOR  
SELASA HINGGA KHAMIS  
9.00 PAGI - 12.30 TENGAH HARI**

## MAKLUMAN

**TIADA LAGI CETAKAN DAN EDARAN  
BIL CUKAI TAKSIRAN BERMULA **JANUARI 2026****

**SEBARANG PERTANYAAN BOLEH HUBUNGI :  
05-4011326 / 05-4012561**

**PEMBAYARAN ATAS TALIAN  
(ONLINE)**



BILLERCODE :  
13110

**PBT**Pay



**BSN**



**CIMB** Clicks

**"BAYARAN CUKAI TAKSIRAN TANGGUNGJAWAB KITA"**



[www.mdtapah.gov.my](http://www.mdtapah.gov.my)



Majlis Daerah Tapah



majlisdierahtapah